



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

YANG DI PERTUA:
DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, KMN, AMN, AMT, FJC, FRISM

PENDAFTAR:
Sr ROZIYAH BINTI ISMAIL
RegQS, FRISM

SETIAUSAHA:
Sr ROZNITA BINTI OTHMAN
KMN, FRISM, SRRegPM, CPMA, CKM



SURAT PEKELLING BIL. 1/2016

13 April 2016

Kepada : Semua Firma Perunding Juruukur Bahan Yang Berdaftar

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Pengecualian Lesen Premis Perniagaan Untuk Semua Firma Perunding Juruukur

Bahan Yang Berdaftar

Adalah dimaklumkan mesyuarat Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang bertarikh 29 Mac 2016 telah menetapkan bahawa semua firma perunding juruukur bahan yang berdaftar dengan LJBM tidak perlu memohon lesen premis perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan, seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

2. Ini adalah berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-27 (salinan disertakan bersama), pada 4 Disember 1982, yang mana telah mengecualikan semua profesional yang berdaftar dan berlesen dengan Lembaga Professional masing-masing daripada memohon lesen premis perniagaan.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Sr Roziyah Binti Ismail
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tempat : Bilik Gerakan, Tingkat 16,
Blok 9, Khazanah Malaysia,
Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Tarikh/Masa : 4hb. Disember, 1982, jam 9.30 pagi.

4. PERBINCANGAN KERTAS KERJA

4.1 Kertas MNKT Bil. 1/82 - Pengecualian Perlesenan Golongan Profesional Di bawah Seksyen 102(2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976

4.1.1 Y.B. Dato' Pengerusi memberitahu bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 membolehkan setiap Penguasa Tempatan melesenkan apa-apa tred, perniagaan, perindustrian, profesion atau pekerjaan. Akibat daripada rayuan yang telah dibuat oleh beberapa golongan profesion pihak Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 harus digantikan dengan satu seksyen yang baru seperti perenggan 1.1 Kertas Kerja ini. Cadangan Jabatan Peguam Negara akan menyelaraskan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang terlibat dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang telah dicadangkan

Oleh Jabatan Peguam Negara telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah menerima cadangan tersebut.

4.1.2 Oleh yang demikian tindakan hendaklah diambil oleh semua Penguasa Tempatan untuk mengecualikan semua badan profesion yang pada masa ini dikawal oleh Akta-Akta masing-masing dari dikenakan lesen oleh pihak Penguasa Tempatan. Di samping itu tindakan harus diambil untuk mengkaji semua undang-undang kecil perlesenan untuk menyelaraskan undang-undang kecil di bawah seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang telah dicadangkan. Jangka masa untuk tindakan-tindakan yang diperlukan adalah singkat oleh kerana pindaan yang telah dicadangkan harus dibentangkan dalam Parlimen dalam sidangnyanya yang akan bermula pada bulan Mac, 1983. Y.B. Dato' Pengerusi menegaskan bahawa yuran-yuran lesen yang telah dikutip tidak harus dibayar balik kepada golongan-golongan profesion yang terlibat.